

ICC jamin kewujudan negara Palestin

Buka ruang siasatan kekejaman, jenayah perang dilakukan Israel

Pada 1 April lalu, Palestin secara rasmi menganggotai Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) yang membuka peluang kepada pihak Palestin mengemukakan dakwaan jenayah perang terhadap Israel.

Keanggotaan terbabit menjadi salah satu titik kejayaan terhadap Palestin dari sudut diplomatik serta perundangan antarabangsa. Ia juga menjadi satu usaha penting yang diambil oleh Pihak Berkuasa Palestin (PA) ke arah kewujudan sebuah negara Palestin merdeka serta bebas daripada cengkaman rejim Israel yang menduduki wilayah Palestin sejak sekian lama.

Keanggotaan ini perlu memandangkan sejak akhir-akhir ini ada usaha oleh Israel untuk mengelakkan kewujudan sebuah negara Palestin merdeka. Jika dilihat kembali pada kempen pilihan raya Israel baru-baru ini, Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu berulang kali menyatakan hasratnya untuk menyekat hak kewujudan sebuah negara Palestin merdeka.

Lebih buruk lagi, hasrat terbabit bukan saja diluahkan oleh Netanyahu tetapi hampir semua ahli serta parti politik Israel. Walaupun hasrat terbabit belum lagi menjadi polisi rasmi kerajaan Israel terhadap Palestin, namun hasrat yang mula kedengaran ini perlu dipandang serius oleh semua pihak.

Hasrat untuk menafikan kewujudan sebuah negara Palestin yang lantang disuarakan ketika proses pilihan raya Israel lalu itu, ditentang kuat oleh kebanyakan negara dunia, termasuk sekutu kuat Israel sendiri iaitu Amerika Syarikat yang masih bertegas untuk memastikan segala proses rundingan damai diambil dengan segera ke arah kewujudan negara Palestin dan Israel yang merdeka.

Strategi awal

Bagi mengelak usaha jahat sesetengah pihak untuk menafikan kewujudan negara Palestin yang merdeka adalah penting bagi pihak Palestin untuk mengambil langkah serta strategi awal supaya hasrat mereka untuk menjadikan wilayah Palestin sebagai sebuah negara yang merdeka tidak digugat oleh mana-mana pihak pada masa depan.

Antara langkah penting bagi memastikan kewujudan sebuah negara Palestin yang merdeka, langkah keanggotaan Palestin ke dalam ICC perlu dilihat oleh semua pihak sebagai salah satu usaha positif untuk menjamin kewujudan negara Palestin pada masa akan datang. Sebagai makluman, ICC ditubuhkan sekitar tahun 2002 bagi membicarakan kes jenayah kemanusiaan seperti pembasmian kaum, jenayah hak asasi manusia, jenayah perang, jenayah kekerasan dan sebagainya.

Dengan penyertaan pihak Palestin ke

dalam mahkamah ini, ia dapat membuka ruang siasatan mengenai segala insiden kekejaman serta jenayah perang Israel terhadap mereka.

Statut Rom ICC

Selain daripada itu, Statut Rom ICC juga memperuntukkan skop maksud 'jenayah perang' yang lebih luas bagi membolehkan pihak berkuasa Palestin mengemukakan lebih banyak pertuduhan ke atas Israel.

Artikel 7 statut terbabit menyenaraikan sebarang usaha pihak penjajah untuk 'menghalau atau mengusir' penduduk asal sesuatu kawasan dijajahnya melalui apa-apa cara pun tanpa kebenaran undang-undang antarabangsa adalah satu bentuk kesalahan jenayah perang yang boleh didakwa.

Tindakan ini banyak dilakukan oleh rejim Zionis yang merampas tanah secara haram serta menghalau penduduk Palestin dari tanah mereka sendiri dengan hasrat jangka panjang untuk menafikan hak warga Palestin untuk mewujudkan negara sendiri.

Artikel 8 statut terbabit juga memperuntukkan jenayah perang meliputi aspek 'penempatan penduduk' yang banyak dilakukan oleh Israel sejak mereka menduduki wilayah Palestin lebih setengah abad lalu.

Penempatan haram

Jika dilihat dengan teliti, Israel banyak membuka penempatan haram di kawasan Palestin terutamanya di Tebing Barat dan Timur Baitulmaqdis yang ingin dijadikan ibu kota negara Israel saja.

Justeru, keanggotaan Palestin ke dalam ICC adalah usaha penting bagi mereka menjamin keselamatan serta kedaulatan wilayah Palestin yang telah lama dicebroh dan dijajah.

Walaupun usaha keanggotaan ICC dilihat sebagai usaha kecil oleh sesetengah pihak, namun kesannya terhadap jaminan ke arah kewujudan negara Palestin adalah penting. PA perlu ambil pelbagai langkah lagi bagi terus menjamin hak mereka selain membebaskan wilayah itu daripada Israel.

Usaha ini tidak boleh lakukan secara bersendirian. Masyarakat antarabangsa secara keseluruhannya khususnya Malaysia yang juga anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) perlu aktif bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa bagi terus memberi jaminan serta berusaha gigih ke arah kewujudan negara Palestin yang merdeka daripada penjajahan dan kekejaman berterusan Israel.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)